



KUIM

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
Tel : 06-387 8420 / 6196 Fak : 06-387 8368

Ruj.Kami :KUIM/AKA/PEP/01

Tarikh : 2 Februari 2022
: 1 Rejab 1443

TAJUK	EDARAN DERAF JADUAL PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SESI II 2021/2022
KEPADA	Semua Staf Akademik Semua Mahasiswa/i program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
DARIPADA	Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Akademik
SALINAN KEPADA	Ybhg. Prof. Dr. Naib Canselor Semua Dekan Unit IT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa **peperiksaan akhir semester sesi II 2021/2022 akan diadakan pada 7 – 18 Mac 2022, dan bagi pelajar program Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan bermula pada 14 – 22 Mac 2022.** Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan deraf jadual peperiksaan akhir untuk semakan Ybhg. Dr./tuan/puan/mahasiswa/i selanjutnya.
- Sekiranya terdapat sebarang ralat pada jadual peperiksaan, Ybhg. Dr./tuan/puan/mahasiswa/i perlu mengisi borang permohonan pembetulan jadual peperiksaan (BHEAA/PEP/13) dan menyerahkan kepada BHEA **sebelum 18 Februari 2022 (Jumaat).** Borang pembetulan boleh diserahkan melalui kaunter BHEA pada waktu pejabat atau melalui email bheaa@kuim.edu.my dan norlizayunus@kuim.edu.my
- Justeru itu, kami memohon kerjasama semua pihak untuk membuat semakan ke atas deraf jadual peperiksaan ini dan memberikan perhatian serius berkaitan kursus / kod kursus, bilangan mahasiswa/i, kelas serta sebarang pembetulan / pertindihan / keciciran di dalam jadual (sekiranya ada).

Segala kerjasama Ybhg. Dr./tuan/puan/mahasiswa/i amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT BAHAGIA"
"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR JEFFRI BIN ABDUL WAHAB)

